

08 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Nahas)

KEMALANGAN MENGORBANKAN ISTERI, KEMALANGAN BIASA: AZIZAN

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Azizan Abu Bakar, penulis surat akuan bersumpah yang mendakwa diliwat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim, memberitahu Mahkamah Tinggi hari ini bahawa kemalangan jalan raya yang mengorbankan isteri dan anak dalam kandungannya, hanya satu kemalangan biasa.

Katanya beliau tidak mengesyaki kemalangan dan kematian isteri dan anak yang belum dilahirkan itu sebagai satu perbuatan sengaja ataupun membabitkan Anwar.

Semasa disoal balas oleh peguam bela Gurbachan Singh, Azizan, saksi ke-12 pendakwaan, memberitahu mahkamah bahawa beliau tidak mengesyaki isterinya dibunuh, sebaliknya isterinya mati akibat nahas jalan raya.

Anwar, 51, yang juga bekas Menteri Kewangan, menghadapi empat tuduhan rasuah dengan menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Gurbachan: Setuju atau tidak bahawa kandungan buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM" ada menyebut mengenai kemalangan itu?

Ketika itu Hakim Datuk S. Augustine Paul bertanya Gurbachan sama ada soalan itu relevan kepada kes.

Gurbachan: Ia ada relevan kerana ada pemalsuan dan konspirasi. Saya berjanji tidak akan tanya soalan yang tidak perlu.

Gurbachan: Adakah kamu setuju sebahagian buku 50 Dalil mengandungi sindiran yang Anwar membunuh isteri kamu?

Timbalan Kanan Pendakwa Raya Azahar Mohamed membantah, dengan berkata "dia bukan penulis (buku itu) dan dia juga sudah katakan yang isterinya bukan dibunuh."

Apabila Gurbachan terus menegaskan bahawa soalan itu ada kaitan dengan pemalsuan, Hakim Augustine Paul membenarkan peguam meneruskan soalnya.

Gurbachan: Adakah kamu bersetuju atau tidak bahawa walaupun isteri kamu telah meninggal dunia dalam satu kemalangan, sebahagian buku 50 Dalil membuat sindiran yang Anwar terlibat dalam pembunuhan isteri kamu?

Sebelum Azizan menjawab, Hakim ingin tahu sama ada dia ada membaca buku itu, dan Azizan menjawab: Saya tidak membaca atau melihat buku itu.

Gurbachan: Polis ada menyoal kamu mengenai kemalangan ini (semasa ditahan untuk proses "turn over" oleh Cawangan Khas).

Azizan: Ya. Polis ada menyoal saya mengenai kemalangan yang berlaku ke atas saya sehingga menyebabkan isteri saya meninggal dunia.

Gurbachan: Adakah kamu beri cadangan kepada sesiapa bahawa Anwar terlibat dalam kemalangan itu.

Azizan: Tidak. Saya tidak cadangkan kepada sesiapa yang Anwar ada kena-mengena dengan kemalangan itu. Ia hanyalah satu kemalangan jalan raya yang biasa.

Gurbachan: Adakah polis tanya sama ada kemalangan itu ada kaitan dengan surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri?

Azizan: Polis tidak tanya saya sama ada kemalangan itu ada kaitan dengan surat itu, tetapi saya ada memberitahu polis bahawa laporan kemalangan itu boleh didapati di balai polis Rawang. Polis hanya tanya saya bagaimana kemalangan itu berlaku.

Sambil menunjukkan salinan laporan kemalangan itu dan buku 50 Dalil Mengapa Anwar Ibrahim Tidak Boleh Jadi PM, Gurbachan meminta Azizan membaca

muka surat 81 hingga muka surat 87 buku itu.

Muka surat 81 para 3: "Dilakarkan detik-detik bagaimana Datuk Seri Anwar dan polis bekerjasama dalam menipu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, UMNO dan seluruh rakyat Malaysia."

Muka surat 86, para akhir: "Pada 31 Januari 1998, pada hari kedua Aidil Fitri, Azizan yang memandu kereta dan isteri yang mengandung enam bulan dan dua anak "telah dilanggar" oleh sebuah kereta lain yang tidak dikenali dan akhirnya isteri dan anak dalam kandungan yang belum lahir meninggal manakala Azizan dan dua anak selamat."

Muka surat 86, para lain: "Dua minggu sebelum itu (pertengahan Ramadan) pintu rumah Ummi (Hafilda Ali, penulis surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri) telah disimbah dengan darah dan selepas disiasat oleh Jabatan Kimia, disahkan ia darah anjing dan laporan polis telah dibuat."

Mengenai pertemuannya dengan peguam Sukdev, di mana dia kemudian menandatangani surat akuan berkanun, Azizan berkata dia ada menceritakan kepada peguam mengenai kemalangan jalan raya yang menimpanya sekeluarga. Bagaimanapun, ketika itu dia tidak terlibat dengan penulis, pencetak mahupun penjualan buku 50 Dalil itu.

Azizan berkata pada Julai tahun ini, Jabatan Siasatan Jenayah menghubunginya untuk merekodkan keterangan dan telah ditunjukkan buku 50 Dalil. Polis ada bertanya mengenai kemalangan yang berlaku dan surat akuan bersumpah yang dia tandatangani serta ugutan pihak Cawangan Khas sebelumnya.

-- BERNAMA  
NHD AHH NMO